

**NCRC ONLINE:** Sempena kehadiran bulan ramadhan yang mulia, staf NCRC-UUM melalui Kelab Kebajikan Dan Rekreasi NCRC telah memberikan sumbangan bubur lambuk dengan kerjasama Pusat Islam, UUM.

Aktiviti ini dianjurkan bagi menggalakkan amalan bersedekah pada bulan puasa yang mulia ini dikalangan staf-staf NCRC. Sebanyak tiga (3) periuk telah disumbangkan oleh Kelab Kebajikan Dan Rekreasi NCRC bagi tujuan tersebut. Sebanyak 300 bungkus bubur lambuk telah diagihkan kepada guru-guru dan kanak-kanak kurang upaya di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Changlun dan juga guru-guru serta pelajar-pelajar pendidikan khas di Sekolah Rendah Kebangsaan Bandar Baru Sintok dan Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Sintok pada 29 Julai 2012 yang lalu.

Rosmazlawati Bt Abdul, Penyelia PDK merasa amat terharu di atas sumbangan yang diberikan oleh pihak NCRC. "Saya mengucapkan jutaan terima kasih di atas sumbangan ini dan amat terharu di atas ingatan masyarakat universiti terhadap kanak-kanak kurang upaya ini. Inilah kali pertama salah satu Jabatan di UUM membuat program seumpama ini" katanya pada hari tersebut dengan wakil NCRC-UUM.

Rata-rata kanak-kanak dan pelajar-pelajar pendidikan khas sekolah rendah dan sekolah menengah amat gembira di atas sumbangan bubur lambuk tersebut.

Jabatan ini berharap aktiviti-aktiviti seumpama ini dapat mengeratkan hubungan diantara NCRC dan Universiti dengan komuniti luar kampus.

Tamat.

=====

**NORTHERN CORRIDOR RESEARCH CENTRE (NCRC)**

Aras 2, Bangunan Ekonomi, Kolej Perniagaan (UUM COB)

Universiti Utara Malaysia

06010, UUM Sintok, Kedah Darul Aman

Tel : +604-928 3653/ 4661 (Pej. Am)

Faks : +604-928 3647